



PERMOHONAN KUOTA TARIF GALAKAN ("FIT 2.0") SUMBER BIOGAS, BIOJISIM & HIDROKUASA KECIL TAHUN 2025 SECARA E-BIDDING

17 Oktober 2024

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia

AGENDA



- 1 PERUNDANGAN
- 2 KAEDAH PERMOHONAN KUOTA FiT 2.0
- 3 SYARAT PERMOHONAN
- 4 SYARAT KHAS
- 5 BUTIRAN DAN DOKUMEN BAGI PENDAFTARAN PROFIL SYARIKAT
- 6 BUTIRAN DAN DOKUMEN BAGI PERMOHONAN FIT 2.0
- 7 PENILAIAN PERMOHONAN PENJANA YANG LAYAK (PYL)
- 8 RUJUKAN
- 9 PERTANYAAN





1. PERUNDANGAN




1. PERUNDANGAN

Mekanisme tarif galakan (“FiT”) dilaksanakan di bawah **Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725]** dan perundangan subsidiarinya.

Akta Tenaga Boleh Baharu 2011
[Akta 725]

Akta Pihak Berkuasa Pembangunan
Tenaga Lestari 2011 [Akta 726]



Penjana Yang Layak (“PYL”) atau Pemegang Kelulusan Galakan (“PKG”) hendaklah mematuhi perundangan tersebut dan undang-undang lain yang terpakai.

Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria bagi Sumber Boleh Baharu) 2011 [P.U.(A) 383/2011]

Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Cara Rayuan) 2019 [P.U.(A) 309/2019]

Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 [P.U.(A) 385/2011]

Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011 [P.U.(A) 387/2011]

Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang Oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011 [P.U.(A) 388/2011]

Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Penjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu) 2011 [P.U.(A) 386/2011]

Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011 [P.U.(A) 389/2011]


Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan dari Tarif Elektrik) 2011 [P.U.(A) 375/2013]

2. KAEDAH PERMOHONAN KUOTA FiT 2.0




2. KAEDAH PERMOHONAN

- a) PYL/PKG hendaklah mendaftarkan/mengemaskini **profil syarikat** melalui sistem e-FiT* sebelum tempoh permohonan (*bid window*). Sila rujuk kepada **Bahagian 5 – Butiran dan Dokumen bagi Pendaftaran Profil Syarikat**.



The screenshot shows the 'ACCESS TO e-FiT' login page. It features a 'LOGIN ID' field, a 'PASSWORD' field, and an 'ENTER' button. Below the password field, there are two links: 'Unable to access my account' and 'New Registration', with the latter highlighted by a red box. The page also includes the 'FEED-IN TARIFF' logo, browser compatibility information (Internet Explorer 8.0, Mozilla Firefox 3.0, Google Chrome), and the 'SEDA MALAYSIA HOTLINE' number (+603 - 8870 5800).






The screenshot shows the 'e-FiT Feed-in Tariff Online System' registration page. It features the Seda Malaysia logo and the text 'SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA'. The page includes a 'LOGIN' button and a 'BACK TO SEDA' button. The 'Applicant Category' is set to 'COMPANY'. The 'COMPANY INFORMATION' section contains fields for 'Company Name', 'Registration No.', 'Re-Confirm Registration No.', and 'Date Of Incorporation', each with a red asterisk indicating it is a mandatory field. The 'Date Of Incorporation' field has a calendar icon and the number '20'. The 'INSTRUCTIONS' section states: 'MANDATORY fields. Please specify at least one.'

*Sistem e-FiT: <https://efit.seda.gov.my/>


2. KAEDAH PERMOHONAN

b) PYL/PKG hendaklah mengemukakan **permohonan kuota FiT secara *e-Bidding*** dengan melengkapkan butiran dan dokumen permohonan terkini dengan memuat naik ke dalam **sistem e-FiT dalam tempoh permohonan *e-Bidding***. Sila rujuk **Bahagian 6 – Butiran dan Dokumen bagi Permohonan FiT** untuk maklumat lanjut.


c) Tempoh masa permohonan secara *e-Bidding* (*bid window*) adalah seperti berikut:

Sumber	Jumlah kuota (MW) yang ditawarkan	Tempoh permohonan secara <i>e-Bidding</i>
Biogas 	50	15 Januari 2025 (10:00 pagi) sehingga 19 Februari 2025 (1:00 tengah hari)
Biojisim 	40	
Hidrokuasa Kecil 	100	
	190	

2. KAEDAH PERMOHONAN

	Kadar tarif galakan asas (RM/kWj)	+	Kadar tarif galakan bonus yang boleh dimohon	=	Kadar tarif galakan (Maksima) RM/kWj
 Biogas	Fasa-1 0.3015		G01 Kecekapan elektrik enjin gas $\geq 40\%$ (+RM0.0199/kWj) G02 Enjin gas dibuat/dipasang tempatan (+RM0.0500/kWj) G03 Sumber tapak pelupusan, gas kumbahan atau sisa pertanian (+RM0.0786/kWj)		Fasa-1 0.4500
	Fasa-2 0.2515 – 0.3015 (Bidaan)			Fasa-2 0.4000 – 0.4500	
 Biojisim	Fasa-1 0.3800		M01 Penggunaan teknologi pengegasan (+RM0.0199/kWj) M02 Sistem penjanaan berasaskan stim dengan kecekapan keseluruhan $\geq 20\%$ (+RM0.0100/kWj) M03 Dandang atau alat pengegas yang dibuat atau dipasang secara tempatan (+RM0.0500/kWj)		Fasa-1 0.4599
	Fasa-2 0.2880 – 0.3800 (Bidaan)			Fasa-2 0.3679 – 0.4599	
 Hidrokuasa kecil	Fasa-1 0.3400		Tiada kadar tarif galakan bonus		Fasa-1 0.3400
	Fasa-2 0.2700 - 0.3400 (Bidaan)			Fasa-2 0.2700 – 0.3400	

2. KAEDAH PERMOHONAN



Konsep FIT 2.0

- Fasa 1: Kadar tarif galakan asas ditetapkan oleh SEDA Malaysia untuk 10 tahun pertama
- Fasa 2: Kadar tarif galakan asas perlu DIBIDA bagi baki 11 tahun seterusnya sehingga tamat REPPA



2. KAEDAH PERMOHONAN

d) Penetapan Kadar Tarif Galakan dalam Sistem e-FiT bagi FiT 2.0

PYL/PKG hendaklah membida kadar **tarif galakan asas di Fasa-2 sahaja** dan mestilah di dalam julat *floor dan ceiling* yang telah ditetapkan. Sistem e-FiT tidak akan membenarkan Pyl/PKG membida kadar tarif galakan asas di luar julat yang telah ditetapkan.

Applicant's Name	: XXXX SDN. BHD.		Connection Point	: MEDIUM VOLTAGE (FROM 1KV TO 50KV)	
Renewable Resource	: BIOGAS	*	Connection Type	: DIRECT	*
Project Status	: NEW PROJECT	*	Distribution Licensee	: TENAGA NASIONAL BERHAD	*
Region Location	: SELANGOR DARUL EHSAN	*			
Total Installed Capacity (MW)	: 1.2	*			
Net Export Capacity (MW)	: 1.0	*			
Basic FiT Rate (Phase 1) (RM)	: 0.3015	*			
Proposed Basic FiT Rate (Phase 2) (RM/kWh)	: 0.3014	*			
Ceiling: RM0.3015/kWh, Floor: RM0.2515/kWh					

2. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan Kadar Tarif Galakan Bonus

Kadar tarif galakan bonus boleh dimohon oleh PYL/PKG dalam sistem e-FiT bagi mendapatkan kadar tarif galakan yang maksimum mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Applicant's Name	: XXXX SDN. BHD.	Connection Point	: MEDIUM VOLTAGE (FROM 1kV TO 50kV)
Renewable Resource	: <input type="text" value="BIOGAS"/> *	Connection Type	: <input type="text" value="DIRECT"/> *
Project Status	: <input type="text" value="NEW PROJECT"/> *	Distribution Licensee	: <input type="text" value="TENAGA NASIONAL BERHAD"/> *
Region Location	: <input type="text" value="SELANGOR DARUL EHSAN"/> *		
Total Installed Capacity (MW)	: <input type="text" value="1.2"/> *		
Net Export Capacity (MW)	: <input type="text" value="1.0"/> *		
Basic FiT Rate (Tier 1) (RM)	: <input type="text" value="0.3015"/> *		
Proposed Basic FiT Rate (Tier 2) (RM/kWh)	: <input type="text" value="0.3000"/> *		

ceiling: RM0.3015/kWh, Floor: RM0.2515/kWh

NOTE : APPLICANT MUST 'RE-SAVE' ALL ENTRIES WHENEVER CHANGES ARE MADE TO THE APPLICATION TO ENSURE THE SYSTEM CAPTURES ALL UPDATES

PROJECT INFORMATION | CONTRACTOR | TECHNICAL | FINANCING | SUPPORTING DOCS | WORK PLAN

FIT RATE IN ADDITION TO BASIC FIT RATE

!! Please select the applicable FIT bonus and provide the supporting documents before submitting the application. !!

- Additional For Use Of Gas Engine Technology With Electrical Efficiency Of Above 40%
- Additional For Use Of Locally Manufactured Or Assembled Gas Engine Technology
- Additional For Use Of Landfill, Sewage Gas Or Agricultural Waste Including Animal Waste As Fuel Source

Contoh:
Pemilihan kadar tarif galakan bonus bagi biogas di dalam sistem e-FiT



2. KAEDAH PERMOHONAN

e) PYL/PKG hendaklah membayar **fi pemprosesan dan fi permohonan** seperti yang diperuntukkan di Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 **sebelum tamat tempoh *bid window* (perenggan 2(c))** seperti berikut:

- ✓ Nama Akaun : **“Sustainable Energy Development Authority Malaysia”**
- ✓ Nama Bank : **CIMB Bank Berhad**
- ✓ No. Akaun : **8600308067**

Jenis Fi	Kadar Fi	Nota
Fi pemprosesan	RM1,000/permohonan	Tidak dikembalikan
Fi permohonan	RM10/kW	Dikembalikan sekiranya permohonan tidak berjaya

f) PYL/PKG yang gagal membuat bayaran penuh atau melebihi tempoh *bid window* akan menyebabkan permohonan FiT tersebut ditolak.



2. KAEDAH PERMOHONAN

- g) Hanya permohonan kuota yang dikemukakan oleh PYL/PKG dalam sistem e-FiT dengan status **“e-BIDDING SUBMITTED”** dalam tempoh permohonan akan disenaraikan oleh SEDA Malaysia. Senarai tersebut akan diumumkan di laman sesawang SEDA Malaysia selepas tempoh permohonan.
- h) Kesemua dokumen sokongan dan maklumat yang dikemukakan oleh PYL/PKG di dalam sistem e-FiT akan dinilai oleh SEDA Malaysia berdasarkan pematuhan **Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725]** dan **undang-undang subsidiarinya, undang-undang lain yang berkaitan, penilaian teknikal dan penilaian kewangan.**
- i) Permohonan PYL/PKG akan **disenaraikan mengikut kadar tarif galakan asas yang dibida.** Kadar tarif galakan bonus (sekiranya ada) tidak diambil kira dalam penyenaian ini.
- j) PYL/PKG boleh diarahkan oleh SEDA Malaysia untuk **menghadiri sesi temu duga** dan **membuat pembentangan projek** (sekiranya perlu).



2. KAEDAH PERMOHONAN


- k) Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (“PBPTL”) akan memutuskan keputusan permohonan PYL/PKG yang berjaya dan tidak berjaya. **Bilangan permohonan PYL/PKG yang diluluskan adalah berdasarkan jumlah kuota yang telah ditetapkan bagi setiap sumber boleh baharu (perenggan 2(c)).**
- l) Sebarang permohonan yang didapati tidak mematuhi perundangan, kehendak, syarat atau kriteria akan **ditolak**.
- m) Sekiranya terdapat permohonan PYL/PKG membida dengan **kadar tarif galakan asas yang sama** bagi sumber boleh baharu yang sama, **proses pengundian (balloting)** akan dijalankan untuk menentukan PYL/PKG yang berjaya. Sila rujuk kepada **Bahagian 7 - Penilaian Permohonan PYL/PKG**.




2. KAEDAH PERMOHONAN

- n) Permohonan PYL/PKG yang berjaya akan diumumkan di laman sesawang SEDA Malaysia.
- o) **Sijil Perakuan Kelulusan Galakan** dan surat kelulusan akan dikemukakan kepada PYL /PKG yang berjaya.
- p) Surat pemakluman keputusan akan dikemukakan kepada PYL /PKG yang tidak berjaya.


2. KAEDAH PERMOHONAN – CARTA ALIR



2. KAEDAH PERMOHONAN – CARTA ALIR



2. KAEDAH PERMOHONAN – CARTA ALIR





3. SYARAT PERMOHONAN





3. SYARAT PERMOHONAN

- 1 **PYL/PKG** perlu mematuhi kriteria kelayakan untuk memohon kelulusan galakan yang diperuntukkan di bawah **kaedah 3 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011**.
- 2 Permohonan untuk pemasangan tenaga boleh baharu di **Semenanjung Malaysia dan Labuan**.
- 3 **Had kapasiti pemasangan TBB** bagi setiap permohonan adalah **tidak melebihi 30 MW** atau apa-apa kapasiti terpasang yang lebih tinggi yang diluluskan oleh YAB Menteri selaras dengan perenggan 4(a) Akta 725.
- 4 Permohonan perubahan butir-butir permohonan oleh PYL/PKG yang diperuntukkan di bawah kaedah 4A Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 hanya tertakluk kepada **perubahan editorial sahaja**.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 5 PYL/PKG yang berjaya perlu menyiapkan projek dan mencapai tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan (FiTCD) mengikut **tempoh yang telah ditetapkan** seperti jadual berikut:


Sumber TBB	Tempoh mencapai tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan (FiTCD)	Tempoh Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu (REPPA)
Biogas	3 tahun	21 tahun
Biojisim	3 tahun	21 tahun
Hidrokuasa kecil	5 tahun	21 tahun

- 6 PYL/PKG hendaklah mengemukakan **surat kelulusan dan laporan kajian sistem kuasa (“PSS”) yang sah dan terkini (tidak melebihi tempoh 1 tahun dari tarikh permohonan)** daripada Pemegang Lesen Pengagihan (*Distribution Licensee*) dengan menyatakan kapasiti eksport bagi pemasangan TBB yang dicadangkan.

3. SYARAT PERMOHONAN

7

PYL/PKG hendaklah memiliki semua pemasangan berbilang (*multiple feed-ins*) yang mana kabel-kabel pemasangan berbilang bersambung ke satu stesen suis dan satu kabel saling hubung bersambung dari stesen suis ke tempat sambungan pemegang lesen pengagihan selaras dengan **perenggan 12(1)(c) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011**.



ABC Sdn. Bhd. memiliki kesemua pemasangan TBB bagi kelulusan galakan X, Y dan Z yang bersambung ke stesen suis yang sama



Perenggan 12(1)(c) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011

Tanggungjawab dan kos pengendalian

12. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2)—

- (a) seseorang pemegang kelulusan galakan hendaklah memiliki, dan bertanggungjawab dengan kosnya sendiri bagi pengendalian dan penyenggaraan semua pemasangan yang terletak dalam sempadan pemunyaannya;
- (b) seseorang pemegang lesen pengagihan hendaklah memiliki, dan bertanggungjawab dengan kosnya sendiri bagi pengendalian dan penyenggaraan semua pemasangan yang terletak di luar sempadan pemunyaan pemegang kelulusan galakan itu; dan
- (c) bagi pemasangan berbilang yang bersambung kepada satu tempat sambungan kabel saling hubung yang berakhir di stesen suis yang berdekatan dengan pemasangan tenaga boleh baharu dengan satu kabel saling hubung antara stesen suis dan tempat sambungan pemegang lesen pengagihan, satu pemegang kelulusan galakan hendaklah memiliki kesemua pemasangan tenaga boleh baharu itu, dan—
 - (i) unit yang hilang dalam sambungan saling hubung antara stesen suis dan tempat sambungan pemegang lesen pengagihan akan diagihkan kepada pemasangan tenaga boleh baharu itu secara pro rata; dan
 - (ii) pemegang kelulusan galakan bertanggungjawab bagi pengendalian dan penyenggaraan stesen suis dan sambungan saling hubung sehingga tempat sambungan pemegang lesen pengagihan,mengikut amalan utiliti berhemat.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 8 PYL/PKG hendaklah mempunyai **minimum *paid-up capital* sebanyak RM50,000.00 semasa permohonan;**
- 9 PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG hendaklah mengemukakan bukti kewangan bagi penyediaan modal untuk membiayai projek **sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah anggaran kos pembangunan projek** (termasuk kos pembiayaan semasa pembinaan):
 - *certified copy of the latest three (3) months financial statements of the applicant or its shareholders by the relevant financial institutions;*
 - *certified copy of letter of offers for credit facilities from the relevant financial institutions; or*
 - *latest official land search or issue document of title of a land evidencing that the land is free from any restriction in interest and accompanied by a valuation report.*
- 10 PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG hendaklah mengemukakan **bukti pembiayaan projek terdahulu yang telah dimuktamadkan dengan minima RM5 juta (biogas), RM10 juta (biojisim/hidrokuasa kecil) atau 10% daripada jumlah anggaran kos pembangunan projek FiT yang dicadangkan**, yang mana lebih tinggi untuk sekurang-kurangnya satu (1) projek infrastruktur, utiliti atau industri berkaitan tenaga dalam tempoh lima (5) tahun terkini;

3. SYARAT PERMOHONAN

11 Meningkatkan kapasiti pemasangan Tenaga Boleh Baharu (TBB)

- PKG yang telah mempunyai kelulusan galakan sedia ada boleh **meningkatkan kapasiti pemasangan TBB** selaras dengan **kaedah 7 dan 8 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011**.
 - a) Bagi meningkatkan kapasiti pemasangan TBB di bawah subkaedah 7(1) dan subkaedah 8(1) iaitu **meter & kabel yang sama**, peningkatan kapasiti hendaklah **sekurang-kurangnya 10%** daripada **installed capacity dan net export capacity** sedia ada. Kelulusan galakan PKG sedia ada hanya perlu diserahkan balik selepas mendapat kelulusan galakan yang baharu; atau
 - b) Bagi meningkatkan kapasiti pemasangan TBB di bawah subkaedah 7(2) dan subkaedah 8(2) iaitu **meter & kabel yang berasingan**, PYL boleh memohon permohonan kelulusan galakan **secara berasingan** daripada kelulusan galakan sedia ada.

3. SYARAT PERMOHONAN

Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011

subkaedah 8(1)

- Sumber TBB yang sama
- **meter dan kabel yang sama**

Pemegang Kelulusan Galakan: XXX Sdn. Bhd.

Kelulusan galakan sedia ada:
Installed: 1.0 MW
Net Export: 0.9 MW



Meter

Kapasiti gabungan:
Installed: 1.5 MW
Net Export: 1.3 MW

Kapasiti baharu:
Installed: 0.5 MW
Net Export: 0.4 MW



Lokasi A

Peningkatan kapasiti $\geq 10\%$ daripada **installed capacity** dan **net export capacity** sedia ada

Permohonan baharu oleh XXX Sdn. Bhd.:

- **Installed Capacity: 1.5 MW**
- **Net Export Capacity: 1.3 MW**

subkaedah 8(2)

- Sumber TBB yang sama
- **meter dan kabel yang berasingan**

Pemegang Kelulusan Galakan: YYY Sdn. Bhd.

Kelulusan galakan sedia ada:
1.0 MW



Meter

Kapasiti sedia ada:
1.0 MW

Kapasiti baharu:
0.5 MW



Meter

Kapasiti baharu:
0.5 MW

Lokasi A

Permohonan baharu oleh YYY Sdn. Bhd.: **0.5 MW**

Kaedah 7 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011

Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti dalam pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang berlainan

7. (1) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

- (a) menggunakan satu jenis sumber boleh baharu yang baharu; dan
- (b) tidak mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memohon suatu kelulusan galakan yang baharu berkenaan dengan jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pelepasannya selepas mengambil kira peningkatan dalam kapasiti terpasang itu.

(2) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

- (a) menggunakan satu jenis sumber boleh baharu yang baharu; dan
- (b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memegang simpan kelulusan galakannya yang terdahulu dan memohon suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang pemasangan itu.

(3) Jika suatu kelulusan galakan yang baharu diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah subkaedah (1), pemegang kelulusan galakan itu hendaklah menyerahkan balik kelulusan galakannya yang diberikan terdahulu itu kepada Pihak Berkuasa mengikut kaedah 19A pada atau sebelum tarikh pengendalian permulaan bagi jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu.

(4) Apabila kelulusan galakan yang diberikan terdahulu diserahkan balik di bawah subkaedah (3), kelulusan galakan yang diberikan terdahulu itu hendaklah disifatkan telah digantikan dengan kelulusan galakan yang baharu itu.

*P.U.(A) 366/2020
22 Disember 2020*



Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011

Permohonan bagi kelulusan galakan bagi meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan sumber boleh baharu yang sama

8. (1) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

(a) menggunakan jenis sumber boleh baharu yang sama; dan

(b) tidak mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memohon suatu kelulusan galakan yang baharu berkenaan dengan jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangannya selepas mengambil kira peningkatan dalam kapasiti terpasang itu.

(2) Jika suatu kelulusan galakan telah diberikan dan pemegang kelulusan galakan bercadang untuk meningkatkan kapasiti terpasang bagi pemasangan tenaga boleh baharunya yang—

(a) menggunakan jenis sumber boleh baharu yang sama; dan

(b) mempunyai kabel saling hubungan yang berasingan dan khusus dan meter hasil yang berasingan dan khusus berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang itu,

pemegang kelulusan galakan itu hendaklah memegang simpan kelulusannya yang terdahulu dan memohon suatu kelulusan galakan yang berasingan berkenaan dengan peningkatan dalam kapasiti terpasang bagi pemasangan itu.

(3) Jika suatu kelulusan galakan yang baharu diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah subkaedah (1), pemegang kelulusan galakan itu hendaklah menyerahkan balik kelulusan galakannya yang diberikan terdahulu kepada Pihak Berkuasa mengikut kaedah 19A pada atau sebelum tarikh pengendalian permulaan bagi jumlah kapasiti terpasang yang digabungkan bagi pemasangan itu.

(4) Apabila kelulusan galakan yang diberikan terdahulu diserahkan balik di bawah subkaedah (3), kelulusan galakan yang diberikan terdahulu itu hendaklah disifatkan telah digantikan dengan kelulusan galakan yang baharu itu.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 12 PYL/PKG hendaklah mengemukakan **cadangan carta perbatuan projek (*Gantt Chart*)** berserta lat tempoh bagi *key milestones* berikut:
- (i) menandatangani REPPA
 - (ii) menandatangani perjanjian bahan api/sumber air
 - (iii) menandatangani perjanjian pembiayaan
 - (iv) Kontrak EPCC
 - (v) kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan
 - (vi) *financial closure*
 - (vii) pembayaran pertama kepada kontraktor EPC
 - (viii) perolehan peralatan-peralatan utama (contohnya: enjin gas, boiler)
 - (ix) *Initial Operation Date, IOD*
 - (x) *Scheduled Feed-in Tariff Commencement Date, sFiTCD*
- 13 Permohonan PYL/PKG hanya dibenarkan bagi pemasangan yang mempunyai sambungan ke **rangkaian pengagihan (*distribution network*)** sahaja.
- 14 Permohonan bagi sumber boleh baharu hidrokuasa kecil hanya melibatkan pemasangan yang mempunyai **turus bersih lebih daripada 10 meter (*High Head*)**;

3. SYARAT PERMOHONAN

- 15 PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG hendaklah mengemukakan **bukti pengalaman** dalam pelaksanaan berhubung mana-mana projek/kontrak/aset berkaitan pembangunan, pembinaan, pembiayaan, pengendalian, pengoperasian atau pengurusan projek/sumber boleh baharu atau mana-mana projek berkaitan infrastruktur, utiliti atau industri berkaitan tenaga untuk tempoh **lima (5) tahun terkini**;
- 16 PYL yang merupakan **PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya** tidak boleh memohon kuota tarif galakan dalam tempoh **18 bulan dari tarikh pemakluman pembatalan** tersebut;
- 17 Pemegang saham PYL yang menjadi pemegang saham majoriti (*voting power*) dalam mana-mana **PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya** tidak boleh memohon kuota tarif galakan dalam tempoh **18 bulan dari tarikh pemakluman pembatalan** tersebut; dan
- 18 PYL/PKG perlu mengemukakan **profil syarikat EPCC** berserta dokumen **cadangan indikatif dari EPCC ATAU term sheet/perjanjian** mengenai kerjasama di antara PYL/PKG dan EPCC yang akan dilantik untuk melaksanakan cadangan projek

3. SYARAT PERMOHONAN

- 19 PYL/PKG yang memohon kuota FiT bagi sumber **biojisim (sisa pertanian) dan (sisa perindustrian yang melibatkan sumber perkayuan)** hendaklah merupakan **pemilik bagi bekalan bahan api**. Sekiranya tiada, mana-mana pemilik bagi bekalan bahan api tersebut hendaklah **memiliki sekurang-kurangnya 10% saham dalam PYL/PKG**.
- 20 Permohonan kuota FiT bagi sumber **biojisim (sisa perbandaran) TIDAK DIBENARKAN**.
- 21 PYL/PKG hendaklah **tidak berada di mana-mana situasi berikut**:
 - *the applicant is not convicted of any offence under any written law;*
 - *there is no pending litigation, arbitration, tax claim, winding-up, dispute or administrative proceeding against the applicant which shall affect its ability to perform its financial or other obligations relating to the feed-in approval; and*
 - *there is no receiver, receiver, and manager, interim liquidator or like official has been appointed over the whole or substantial part of the feed-in approval holder's assets and such appointment is not revoked or annulled within a period of sixty days from the date of such appointment.*



4. SYARAT KHAS



4. SYARAT KHAS

Syarat Khas yang akan dikenakan kepada **PYL/PKG yang berjaya**:

- 1) PKG hendaklah mempunyai **modal berbayar (*paid-up capital*) minimum RM50,000.00 semasa permohonan FiT** dan hendaklah meningkatkannya seperti jadual di bawah dalam **tempoh satu (1) tahun** selepas Sijil Kelulusan Galakan dikeluarkan:

Sumber	Modal berbayar semasa permohonan FiT (minimum)	Modal berbayar selepas 1 tahun sekiranya permohonan FiT berjaya (minimum)
Biogas	RM50,000	RM500,000
Biojisim	RM50,000	RM1,000,000
Hidrokuasa kecil	RM50,000	RM1,000,000



4. SYARAT KHAS

- 2) PKG yang berjaya hendaklah mengemukakan **bukti kewangan bagi penyediaan modal untuk membiayai projek sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah anggaran kos pembangunan projek** (termasuk kos pembiayaan semasa pembinaan) dalam tempoh **satu (1) tahun** daripada tarikh Sijil Perakuan Kelulusan Galakan dikeluarkan:
- *certified copy of the latest financial statements of the applicant or its shareholders by the relevant financial institutions;*
 - *certified copy of letter of offers for credit facilities from the relevant financial institutions; or*
 - *latest official land search or issue document of title of a land evidencing that the land is free from any restriction in interest and accompanied by a valuation report.*
- 3) PKG yang berjaya **tidak boleh melakukan sebarang perubahan pemegang saham syarikat bermula dari tarikh Sijil Perakuan Kelulusan Galakan dikeluarkan sehingga tamat tempoh dua (2) tahun selepas tarikh pemulaan kuat kuasa tarif galakan (“FiTCD”)**.



5. BUTIRAN & DOKUMEN BAGI PENDAFTARAN PROFIL SYARIKAT





5. PENDAFTARAN PROFIL SYARIKAT

- a) **Laporan SSM terkini** (tidak melebihi tempoh 1 bulan daripada tempoh permohonan);
- b) **Memorandum and Articles of Association** atau **Borang Seksyen 14** (Akta Syarikat 2016);
- c) **Borang 8** (*Certificate of Incorporation of Public Company*) atau **Borang 9** (*Certificate of Incorporation of Private Company*) di bawah Akta Syarikat 1965 atau perakuan **Seksyen 17** (Akta Syarikat 2016);
- d) **Borang 24** (*Return of Allotment of Shares*) kepada Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965; atau **Borang Seksyen 78** (Akta Syarikat 2016);
- e) **Borang 49 terkini** (Akta Syarikat 1965) atau **Borang Seksyen 58 terkini** (Akta Syarikat 2016) kepada Pendaftar Syarikat untuk memaklumkan perubahan dalam Pendaftaran Pengarah, Pengurus dan Setiausaha.



5. PENDAFTARAN PROFIL SYARIKAT

- f) **Resolusi lembaga syarikat** yang memberi kuasa kepada wakil untuk membuat permohonan bagi PYL/PKG dalam melaksanakan dan menyerahkan semua dokumen yang berkaitan dengannya.
- g) **Gambarajah struktur pegangan saham/pemilikan** yang memperincikan peratusan (%) pegangan saham (*ultimate & immediate*) dalam syarikat termasuk:
 - i. Jika **syarikat sendirian berhad** adalah pemegang saham: **Salinan laporan SSM terkini** (tidak melebihi tempoh 1 bulan daripada tempoh *bid window*) yang disahkan oleh setiausaha syarikat selaras dengan Akta Syarikat 2016;
 - ii. Jika **syarikat awam** adalah pemegang saham: **(1) Salinan Borang 29A atau Borang Seksyen 141 atau Annual Return** syarikat awam tersebut yang disahkan oleh setiausaha syarikat dan **(2) surat pengesahan setiausaha syarikat** bagi mengesahkan senarai pemegang saham tempatan dan asing dalam syarikat awam tersebut.

5. PENDAFTARAN PROFIL SYARIKAT

- iii. Jika **individu** adalah pemegang saham: **Salinan laporan SSM terkini syarikat yang disahkan (tidak melebihi tempoh 1 bulan daripada tempoh *bid window*)** yang mana individu tersebut (MyKad/Passport) adalah pemegang saham; secara langsung atau tidak langsung mengikut Akta Syarikat 2016.

Nota:

1. Dokumen profil syarikat **hendaklah disahkan oleh setiausaha syarikat.**
2. PYL/PKG hendaklah mengemas kini profil syarikat dan dokumen sokongan **sebelum tempoh permohonan (*bid window*).**



6. BUTIRAN & DOKUMEN BAGI PERMOHONAN FIT 2.0



6A. PERMOHONAN FIT – HIDROKUASA KECIL



HIDROKUASA KECIL



6A. PERMOHONAN FIT – HIDROKUASA KECIL

